

18/03/2002

Jaminan PM atasi keraguan kaum Cina

Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR, Ahad - Jaminan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan tidak akan menutup Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) berjaya mengatasi sebarang kebimbangan masyarakat Cina, sekali gus menghapuskan hasrat pembangkang untuk menggunakan isu itu dalam kempen pilihan raya kecil Ketari, Pahang

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata jaminan yang dibuat Perdana Menteri pada temu ramahnya dengan pengarang akhbar berbahasa Cina minggu lalu akan digunakan oleh partinya untuk menerangkan kedudukan sebenar dasar Barisan Nasional (BN) dan menentang segala dakwaan parti pembangkang.

"Perdana Menteri sudah memberi jaminan kerajaan tidak berniat menutup semua SRJKC kerana ia bercanggah dengan undang-undang negara," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Gerakan bagi pilihan raya kecil Ketari di sini, hari ini.

Mesyuarat selama dua jam itu turut dihadiri semua Ketua Perhubungan Gerakan negeri, Pemuda, Wanita dan pengarah parti itu di 10 kawasan mengundi di Ketari.

Beliau berkata, Gerakan juga sedang memantau semua isu yang mula dibangkitkan DAP antaranya isu sekolah wawasan, Malaysia sebagai negara Islam, SRJKC Damansara, penyalahgunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan faedah Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) yang rendah.

Katanya, pihaknya sudah bersiap sedia untuk membalas serangan DAP termasuk kritikan terhadap Naib Presiden Gerakan, Tan Sri Koh Tsu Koon yang ditugaskan menjaga kawasan yang padat penduduk Cina iaitu Kampung Baru Perting.

Pilihan raya kecil Ketari diadakan berikutan kematian Ahli Dewan Undangan Negerinya (Adun), Datuk Loke Koon Kam 3 Mac lalu.

Penamaan calon akan diadakan 23 Mac ini dan hari mengundi ialah pada 31 Mac depan. Pilihan raya kecil itu dijangka menyaksikan pertandingan satu lawan satu antara calon BN, Yum Ah Ha, 50, dan calon DAP, Choong Siew Onn, 34.

Dr Lim yang juga Menteri Perusahaan Utama berkata, tujuan utama mesyuarat hari ini ialah mengagihkan petugas dan tanggungjawab di 10 kawasan mengundi untuk menjimatkan masa serta mengelakkan wujud huru-hara ketika aktiviti berkempen diadakan.

Beliau yakin jumlah petugas adalah mencukupi selain bantuan pemimpin dan jentera parti komponen BN termasuk MCA dan Umno.

Katanya, Gerakan dan MCA akan menumpukan perhatian untuk menarik pengundi Cina sementara Umno berusaha mendapatkan sokongan pengundi Melayu khususnya di Benus, Felda Mempaga dan Janda Baik.

"Kami akan cuba mengatasi kelemahan dengan adanya bantuan parti komponen BN untuk mengembalikan undi masyarakat Melayu yang menurun 22 peratus dan Cina (kira-kira lima peratus) pada pilihan raya umum 1999.

"Hampir semua isu tempatan sudah diatasi. Yang ada cuma masalah seperti isu tanah dan jalan raya yang kurang sempurna. Kerk Choo Ting sebagai Timbalan Pengarah Jawatankuasa Pilihan Raya Kecil BN akan membangkitkan masalah itu kepada Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob," katanya.

(END)